KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PPP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **15 Mei 2026**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: JUMAAT
TARIKH: 15/5/2026
M/SURAT: 9

# Domestic trade activity remains robust: KPDN

KUALA LUMPUR: Malaysia's domestic trade activity remains resilient and continues to expand amid ongoing geopolitical uncertainties, according to the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN).

Its Deputy Minister, Datuk Dr Fuziah Salleh, said the government remains committed to ensuring that the rakyat continue to be supported and that the country's trade ecosystem remains sustainable.

"Through regulatory and control-system improvements, KPDN aims to reduce bureaucracy so that entrepreneurs can concentrate on growth rather than being burdened by administrative red tape.

"We continuously monitor the integrity of domestic supply chains. When supply chains are stable, the risk of business disruption can be reduced, thereby giving confidence to investors and industry players to continue expanding," she said in her keynote address at the launch of 7 Mega Growth Strategies 2026, here on Thursday.

According to the Department of Statistics Malaysia, sales value in the distribution trade sector, comprising wholesale, retail and motor vehicles, reached RM169 billion in March 2026, up 9.8 per cent compared with the same period last year.

Data from the KPDN's Unit of Statistics and Economic Analysis within the Policy, Strategic Planning, and International Division indicate a strong increase in sales value for wholesale and retail trade in the first quarter of 2026 (1Q 2026), rising by 7.5 per cent compared to 4.6 per cent in 1Q 2025. Fuziah said that in this increasingly complex global economic situation, businesses need to be more strategic in charting their direction and business development.

She noted that companies must continue to build their brands, strengthen market positions, and increase customer trust. "Visibility, credibility, and strategic positioning are now crucial factors influencing a business's success," said Fuziah.

The 7 Mega Growth Strategies 2026 programme, organised by KNKV Group Sdn Bhd, gathered corporate leaders, entrepreneurs, industry players, diplomatic representatives, members of the media, as well as local and international business communities to discuss business growth strategies and strengthen entrepreneurial resilience amid current global economic uncertainties.

KNKV Group chairman Datuk Seri Dr Zurainah Musa said the 7 Mega Growth Strategies 2026 programme brings together experts from different industries and sectors to encourage meaningful conversation, knowledge sharing, and cross-border collaboration that can create long-term value. –Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: JUMAAT

TARIKH: 15/5/2026

M/SURAT: 6

# Luar kedai tatu, dalam 'butik' beg mewah

**Kuala Lumpur:** Di luar kedai tatu, di dalamnya tersergam bilik pameran barangan tiruan gred premium yang mampu mengaut keuntungan hingga RM10,000 sehari.

Taktik licik peniaga di Jalan Petaling, di sini, yang menipu pengunjung itu terbongkar selepas diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), kelmarin.

Dalam serbuan menerusi Op Putera 8.0 itu, sebanyak 2,700 barangan tiruan pelbagai jenama bernilai RM2.3 juta dirampas.

Ketua Penguat Kuasa KPDN Kuala Lumpur, Mohd Shahran Mohd Arshad berkata, serbuan membabitkan tujuh premis termasuk tiga bilik pameran persendirian yang berselindung di sebalik perniagaan lain.

"Premis ini dijadikan bilik pameran eksklusif bagi pelanggan warga asing yang mahukan produk berjenama pada harga lebih rendah.

"Mereka sangka dapat barang murah, tetapi sebenarnya dijual berlipat kali ganda daripada kos sebenar barangan ciplak itu," katanya di lokasi serbuan, kelmarin.

Menurutnya, semakan pada resit jualan terminal mesin kad kredit mendapati peniaga mampu meraih RM4,000 pada hari biasa dan mencecah RM10,000 pada hujung minggu.

Beliau berkata, antara barangan yang dirampas termasuk beg tangan, jam tangan dan aksesori wanita yang dijual pada harga RM200 hingga RM5,000 seunit.

Mohd Shahran berkata, sindiket itu turut kerap berpindah stor simpanan bagi mengelak dikesan pihak berkuasa dan menanggung kerugian besar jika diserbu.



ANTARA bilik pameran persendirian yang diserbu.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Barangan tiruan RM2.3 juta dirampas



Pegawai KPDN menjalankan pemeriksaan melibatkan barangan tiruan yang dirampas dalam operasi pada Khamis.

**KUALA LUMPUR** - Menyimpan stok barangan tiruan di belakang premis yang tidak beroperasi antara taktik dibongkar menerusi Ops Putra 8.0 di sekitar Jalan Petaling pada Khamis.

Ketua Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kuala Lumpur, Mohd Shahran Mohd Arshad berkata, sebanyak 2,650 unit barangan tiruan disita dengan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan RM2.3 juta menerusi operasi berkenaan.

"Peniaga dipercayai menyimpan stok barangan tiruan di stor yang agak tersorok sekitar Jalan Petaling iaitu di belakang premis yang tidak beroperasi bagi mengelakkan dikesan pihak berkuasa.

"Barangan tersebut kemudian dijual kepada pelancong yang datang ke Jalan Petaling dengan harga yang agak tinggi mengikut jenis dan jenama," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Beliau berkata, antara barangan yang dirampas adalah beg tangan, jam tangan, tali pinggang dan kasut berjenama tiruan.

Katanya, harga jualan bagi beg tangan berjenama tiruan antara RM200 hingga RM500 seunit.

"Jam tangan berjenama pula dijual antara RM500 hingga RM5,000," jelasnya.

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: JUMAAT
TARIKH: 15/5/2026
M/SURAT: 2

# KPDN rampas diesel, minyak masak

SEMPORNA: Sebanyak 150 liter diesel dan 425 kilogram minyak masak paket dirampas dalam operasi bersepadu di bawah Ops Tiris 4.0 di sini, pada Rabu.

Rampasan bernilai lebih RM52,000 itu dilakukan oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 22 Kunak dan Pasukan Polis Marin (PPM) Semporna sebelum diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Semporna.

Dalam kes pertama, seorang lelaki tempatan ditahan selepas didapati memiliki diesel tanpa kebenaran. Turut dirampas, enam tong jeriken mengandungi 150 liter diesel serta sebuah kenderaan pacuan empat roda.

Dalam kes kedua, 425 paket minyak masak, sebuah bot pam bersama enjin dan kipas dianggarkan bernilai RM2,165.50 dirampas oleh PPM.

Kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. – **Azmie Lim**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: JUMAAT
TARIKH: 15/5/2026
M/SURAT: 2




The items seized.

# Diesel and cooking oil seizure

SEMPORNA: A total of 150 litres of diesel and 425kg of cooking oil in packets were seized in an integrated operation under Ops Tiris 4.0, here, on Wednesday.

The seizures, worth more than RM52,000, were made by Kunak Battalion 22 General Operations Force and Semporna marine police before being handed over to the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Semporna.

In the first case, a local was detained after he was found in possession of diesel without permission.

Six jerry cans containing 150 litres of diesel and a four-wheel-drive vehicle were seized.

In the second case, 425 packets of cooking oil, a pump boat with its engine and a shaft propeller, worth an estimated RM2,165.50, were seized by marine police.

KPDN Semporna, in a statement, said both cases were investigated under the Control of Supply Act 1961. – **Azmie Lim**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: JUMAAT
TARIKH: 15/5/2026
M/SURAT: 1

# Man arrested, subsidised diesel worth RM158,330 seized

**SANDAKAN:** An alleged subsidised diesel smuggling operation was uncovered after a tanker lorry carrying 10,200 litres of diesel was seized during an Op Taring Bravo 1 raid at Batu 8, Kampung Melayu, Jalan Labuk, here on Wednesday.

During the raid at about 3pm, a 26-year-old local man was also arrested for allegedly carrying out illegal transfer activities involving subsidised diesel.

The operation was conducted by the Wildlife Crime Bureau/Special Investigation Intelligence (WCB/PSK) of the Internal Security and Public Order Department (JKDNKA) Bukit Aman together with the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Sandakan branch.

WCB/PSK commander Datuk Mohd Zaki Ashar said inspections found that the premises did not possess any licence or permit for the storage and transfer of subsidised diesel.




A tanker lorry carrying 10,200 litres of subsidised diesel believed to have been misappropriated was confiscated during the Op Taring Bravo 1 raid.

"Also seized were a 12,000-litre tanker lorry, eight 200-litre drums, an electric pump with hose, and two 12,000-litre skid tanks.

"A total of 10,200 litres of subsidised diesel was also confiscated, bringing the estimated overall seizure value to RM158,330," he said in a statement yesterday.

He said all seized items together with the suspect were handed over to KPDN Sandakan investigating officers for further action under the Supply Control Act 1961.

According to him, integrated enforcement operations would continue to be intensified to curb the misappropriation of subsidised diesel.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: JUMAAT

TARIKH: 15/5/2026

M/SURAT: 1

# Lelaki ditahan, diesel subsidi bernilai RM158,330 dirampas

Oleh Hamzah Sanudin

**SANDAKAN:** Kegiatan penyelewengan minyak diesel bersubsidi terbongkar selepas sebuah lori tanker bersama 10,200 liter diesel dirampas dalam serbuan Op Taring Bravo 1 di Batu 8, Kampung Melayu, Jalan Labuk, di sini, pada Rabu.

Dalam serbuan kira-kira 3 petang itu, seorang lelaki tempatan berusia 26 tahun turut ditahan kerana disyaki menjalankan aktiviti pemindahan minyak diesel bersubsidi secara tidak sah.

Serbuan dijalankan Bahagian Wildlife Crime Bureau/Perisikan Siasatan Khas (WCB/PSK) Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA) Bukit Aman bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sandakan.




**RAMPAS:** Lori tanker bersama 10,200 liter minyak diesel bersubsidi yang dipercayai diseleweng dirampas dalam serbuan Op Taring Bravo 1.

Komander WCB/PSK, Datuk Mohd Zaki Ashar berkata, hasil pemeriksaan mendapati premis berkenaan tidak mempunyai lesen atau permit bagi penyimpanan dan pemindahan minyak diesel bersubsidi.

"Turut dirampas sebuah lori tanker berkapasiti 12,000 liter, lapan tong drum berkapasiti 200 liter, sebuah pam elektrik bersama hos serta dua skid tank berkapasiti 12,000 liter.

"Sebanyak 10,200 liter minyak diesel bersubsidi turut dirampas dengan anggaran keseluruhan nilai rampasan RM158,330," katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, semua barang rampasan bersama suspek diserahkan kepada pegawai penyiasat KPDN Cawangan Sandakan untuk tindakan lanjut mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Katanya, operasi bersepadu itu akan terus dipertingkatkan bagi memastikan kegiatan penyelewengan minyak diesel bersubsidi dapat dibanteras sepenuhnya.

Utusan Borneo online

HARI: JUMAAT
TARIKH: 15/5/2026
M/SURAT: 2

# Cubaan seleweng diesel, minyak masak digagalkan


RAMPAS: Barang kawalan bersubsidi membabitkan minyak diesel dan minyak masak peket berjaya dirampas dalam operasi berkenaan.

**SEMPORNA:** Cubaan menyeleweng barang kawalan bersubsidi membabitkan minyak diesel dan minyak masak peket berjaya dipatahkan menerusi Ops Tiris 4.0 (Bersepadu) yang dijalankan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Semporna, semalam.

Dalam operasi itu, seorang lelaki tempatan ditahan manakala pelbagai barangan termasuk kenderaan dan pump bot dirampas dengan nilai keseluruhan melebihi RM52,000.

KPDN Sabah dalam kenyataan memaklumkan, dua kes serahan diterima Pejabat KPDN Semporna pada 13 Mei hasil tindakan Batalion N22 Pasukan Gerakan Am (PGA) Kunak serta Pasukan Polis Marin (PPM) Semporna.

Menurut kenyataan itu, kes pertama membabitkan serahan daripada PGA Kunak selepas seorang lelaki tempatan ditahan bersama sebuah Toyota Hilux berwarna hitam dan 150 liter minyak diesel yang disimpan dalam enam jeriken.

"Hasil pemeriksaan mendapati suspek gagal mengemukakan sebarang kebenaran bertulis daripada Pengawal Bekalan untuk memiliki atau menyimpan barang kawalan berkenaan.

"Nilai rampasan minyak diesel dianggarkan RM322.50 manakala jumlah keseluruhan rampasan termasuk kenderaan bernilai RM50,822.50," katanya.

Sementara itu, dalam kes kedua, PPM Semporna menyerahkan kes rampasan tanpa tuan di kawasan laut Pulau Larapan membabitkan 425 kilogram minyak masak peket.

Katanya, turut dirampas sebuah pump bot tanpa nombor pendaftaran, enjin pump bot 18HP jenama Pro Quip serta satu unit shaft propeller.

"Nilai rampasan barang kawalan dianggarkan RM1,062.50 dengan jumlah keseluruhan sitaan bernilai RM2,165.50," katanya.

Susulan itu, KPDN Semporna membuka dua kertas siasatan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

KPDN turut memberi amaran keras kepada mana-mana individu atau syarikat supaya mematuhi undang-undang berkaitan barang kawalan bersubsidi.

Menurut kenyataan itu, individu yang disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM1 juta bagi kesalahan pertama dan sehingga RM3 juta bagi kesalahan berikutnya atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi syarikat pula, denda sehingga RM2 juta boleh dikenakan dan meningkat sehingga RM5 juta bagi kesalahan berikutnya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: JUMAAT
TARIKH: 15/5/2026
M/SURAT: 2

执法人员扣押现场一辆油槽车。（KPDN提供）





# 搗破非法柴油倉庫

## 捕3人起逾2萬公升疑似柴油

载有工业储液桶的厢型罗里（右），正把柴油从储油槽接驳输送。（KPDN提供）

（巴生14日讯）国内贸易及生活费部（KPDN）雪州分局联合警方展开“联合补漏行动4.0”，成功捣破巴生班达马兰一家涉嫌非法储存及滥用津贴柴油的仓库，起获约2万5000公升疑似柴油，扣押起获物总值约32万8000令吉，逮捕3名本地男子助查。

雪州内贸局主任莫哈末哈尼占今日发文告指出，当局于昨午（13日）约1时，对班达马兰一间没有门牌及招牌的仓库展开突击检查。这项行动是在警方率先发现可疑活动后，由警方与内贸部联合展开后续执法行动。



雪州内贸局官员联合警方，捣破班达马兰一家非法储存和输送柴油的仓库。（KPDN提供）

### 現場發現大量工具

莫哈末哈尼占说，初步调查显示，该仓库疑被用作储存来历可疑的柴油，现场也发现多条输送燃油的橡胶喉管、储油消槽、油槽罗里，以及载有1000公升工业储液桶的厢型罗里。

“执法人员在现场逮捕3名年龄皆40岁以下的本地男子，他们相信分别是罗里司机、跟车员及仓库看守员。”

他表示，3人皆无法出示合法文件，以证明拥有及运送受管制柴油，因此被带返录供协助调查。

他说，根据初步资料，该走私团伙涉嫌在无执照情况下，进行受管制柴油交易活动，案件目前援引1961年供应管制法令第21条文，并与1974年供应管制条例第3（1）条文同读展开调查。

“此次行动共起获约2万5000公升疑似柴油，估计价值11万9000令吉；连同其他器材与交通工具在内，总值约32万8000令吉，所有被扣押的物品，都送往雪州内贸局证物仓库保管。”



3名本地男子被当局扣捕助查。（KPDN提供）

### 吁公众举报

与此同时，末哈尼占强调，当局绝不会向任何违反供应管制法令者妥协，无论个人或公司，一旦罪成皆可面对严厉处罚。

根据法令，个人首次罪成可被罚款不超过100万令吉，再犯则可高达300万令吉，或监禁不超过3年，或两者兼施；公司则可面对最高200万令吉罚款，再犯则可高达500万令吉。

内贸部也呼吁民众，若发现任何涉及津贴统制品的不法交易活动，可通过WhatsApp（019-8488 000）、Ez Adu KPDN手机应用程序、热线（1800 886 800）或投诉官网https://eduan.kpdn.gov.my提供情报。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

中國報
CHINA PRESS

HARI: JUMAAT
TARIKH: 15/5/2026
M/SURAT: 8

# 涉嫌非法持有及運輸柴油
# 3男子延扣助查

（莎阿南14日讯）3名年龄不到40岁的本地男子，今早被带上推事庭申请延扣，以协助调查涉嫌非法持有及运输柴油案件。

国内贸易及生活成本部（KPDN）雪州分局执法主任莫哈末哈尼占指出，该局昨日下午1时在巴生班达马兰一带，联同警方展开“OPS TIRIS 4.0”取缔行动，起获约2万5000公升柴油，市值超过10万令吉，并逮捕3名本地男子。

他说，执法人员在现场发现多项可疑设备，包括输油橡胶管、滑动式油槽（skid tank）、油罐罗厘，以及载有1000公升中型散装容器（IBC）的封闭式罗厘（bonded lorry）。

“3名落网嫌犯分别为罗厘司机、跟车员及仓库看守人员。”

## 扣押物品總值32萬

他说，初步调查显示，嫌犯并未持有合法文件，以拥有及运输受管制物品柴油，因此被扣查协助录取口供。

他指出，被起获的柴油估计价值约11万9000令吉，而包括设备及交通工具在内的整体扣押物品总值约32万8000令吉，所有物品已被送往雪州分局证物仓库保管。

此案目前援引1961年供应管制法令及1974年供应管制条例第39（1）条文调查，罪名涉及在未持有合法执照情况下非法持有受管制物品进行交易。



■3名本地男子被带上推事庭申请延扣令。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: JUMAAT
TARIKH: 15/5/2026
M/SURAT: 19

Advertorial

# Inisiatif Utama SSM 2026

## Perkukuh ekosistem perniagaan, tingkatkan pematuhan korporat

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

Sebagai badan pengawal selia korporat utama negara, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) terus memperkukuh peranannya dalam membentuk ekosistem perniagaan yang lebih cekap, telus dan berdaya saing, selaras dengan aspirasi kerajaan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi dan memudah cara urusan perniagaan di seluruh negara.

Sejak penubuhannya pada 16 April 2002, SSM sentiasa proaktif dalam melaksanakan pelbagai inisiatif strategik bagi membantu komuniti korporat, termasuk semasa negara berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19. Pada tahun 2020, SSM telah memperkenalkan 11 inisiatif dan usaha ini diteruskan pada tahun 2021 dengan 11 inisiatif, enam inisiatif pada tahun 2022, sembilan inisiatif pada tahun 2023 dan tujuh inisiatif pada tahun 2025.

Sempena ulang tahun yang ke-24 pada 16 April 2026, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali mengumumkan empat inisiatif utama dalam usaha memperkukuh ekosistem perniagaan negara, meningkatkan tahap pematuhan korporat serta mengurangkan bebanan yang dihadapi oleh komuniti perniagaan terutamanya perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

### Inisiatif SSM Memacu Ekonomi Inklusif dan Mampan

Inisiatif pertama yang diumumkan adalah pelaksanaan Klinik Pematuhan dan Kempen Pemulihan Serah Simpan Dokumen Statutori bagi membantu syarikat yang menghadapi kesukaran memenuhi kewajipan di bawah Akta Syarikat 2016 supaya kembali patuh serta mengurangkan beban kos pematuhan.

Program ini memberi ruang kepada syarikat untuk mendapatkan khidmat nasihat secara langsung daripada pegawai SSM serta melaksanakan tindakan pemulihan bagi serah simpan dokumen statutori yang tertunggak seperti penyata tahunan, penyata kewangan dan maklumat pemunyaan benefisial. Melalui pendekatan ini, syarikat dapat memperbetulkan serta mengemas kini status pematuhan dalam tempoh yang munasabah dan pada masa yang sama meningkatkan kefahaman terhadap tanggungjawab tadbir urus korporat.

Selain itu, mana-mana syarikat yang menyertai kempen ini akan diberikan tempoh masa untuk menyerah simpan dokumen tertunggak serta menikmati pengecualian tindakan pendakwaan, pengecualian kompaun bagi kes tertentu dan pengurangan kompaun yang signifikan.

Inisiatif kedua adalah penerusan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P) yang menyediakan pendaftaran perniagaan secara percuma kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh ekosistem perniagaan yang inklusif dan mampan.

Melalui skim ini, usahawan OKU akan terus menikmati kemudahan pendaftaran dan pembaharuan perniagaan secara percuma setiap tahun sekali gus membantu mengurangkan beban kos pematuhan sepanjang tempoh menjalankan perniagaan.

Golongan OKU yang memanfaatkan inisiatif ini akan diberikan pengecualian fi sebanyak RM60 bagi pendaftaran menggunakan nama tred dan RM30 bagi pendaftaran menggunakan nama sendiri.



**Datuk Armizan Mohd Ali**
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup

**Kerajaan melalui SSM komited untuk memastikan ekosistem perniagaan negara terus kekal berdaya tahan, telus dan berintegriti sebagai asas kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan. Inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan ini bukan sahaja menyokong pematuhan korporat, malah berperanan memperkasa keusahawanan, merangsang aktiviti ekonomi domestik serta meningkatkan keyakinan pelabur terhadap persekitaran perniagaan Malaysia.**

Inisiatif ketiga adalah pelanjutan tempoh pendaftaran Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) daripada satu tahun kepada dua tahun bagi menyokong kelestarian PMKS.

Skim yang telah diperkenalkan oleh SSM pada 23 Disember 2020 ini bertujuan memberi peluang kepada usahawan daripada kumpulan B40 serta pelajar sepenuh masa di IPTA, IPTS, politeknik, kolej, institut kemahiran dan pusat kemahiran dalam negara untuk mendaftarkan perniagaan mereka secara percuma di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Melalui skim ini, pengecualian fi sebanyak RM120 diberikan bagi pendaftaran menggunakan nama tred, RM60 bagi pendaftaran menggunakan nama sendiri serta RM10 bagi cetakan maklumat perniagaan.

Selaras dengan aspirasi Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) yang menekankan pembangunan ekonomi inklusif, SSM turut memperkenalkan inisiatif keempat iaitu Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma Warga Emas (SPPWE) sebagai kategori baharu di bawah SPPP bagi memberi peluang kepada golongan ini menjana pendapatan melalui aktiviti keusahawanan.

Melalui SPPWE, golongan warga emas akan menikmati kemudahan pendaftaran perniagaan secara percuma bagi tahun pertama, sebanyak RM60 bagi pendaftaran menggunakan nama tred, RM30 bagi pendaftaran menggunakan nama sendiri serta RM10 bagi cetakan maklumat perniagaan.

Inisiatif pertama dan kedua telah berkuat kuasa pada 16 April 2026, manakala inisiatif ketiga dan keempat akan berkuat kuasa bermula 1 Jun 2026.

Dalam menzahirkan harapannya, Datuk Armizan menyeru para usahawan dan komuniti korporat untuk mengambil peluang daripada inisiatif-inisiatif ini dalam usaha memastikan pematuhan berterusan terhadap undang-undang seterusnya menyumbang kepada persekitaran perniagaan domestik yang lebih berdaya saing dan mampan.

"Pendekatan seimbang antara penguatkuasaan dan pemudah cara ini mencerminkan komitmen kerajaan dalam memastikan kemakmuran ekonomi dapat dinikmati secara inklusif oleh seluruh rakyat, tanpa mengira latar belakang atau skala perniagaan, khususnya dalam kalangan PMKS," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Datuk Nor Azimah Abdul Aziz berkata, SSM komited untuk terus memperkukuh ekosistem perniagaan yang lebih dinamik dan inklusif, melalui pendekatan yang menyokong pertumbuhan mampan serta meningkatkan keupayaan entiti perniagaan untuk berdaya saing.



**Datuk Nor Azimah Abdul Aziz**
Ketua Pegawai Eksekutif SSM

**SSM komited untuk terus memperkukuh ekosistem perniagaan melalui pendekatan yang responsif, inklusif dan berpaksikan keperluan pihak berkepentingan. Inisiatif yang dilaksanakan ini dirangka bagi membantu komuniti korporat dan usahawan meningkatkan tahap pematuhan, mengoptimumkan kos pematuhan serta memperkukuh amalan tadbir urus yang baik dalam operasi perniagaan mereka.**

"Kami percaya bahawa pematuhan yang efektif bukan sekadar memenuhi keperluan perundangan, tetapi kefahaman dan penghayatan komuniti korporat dalam melaksana dan menjadikan tadbir urus sebagai budaya operasi perniagaan adalah asas kepada kelestarian dan daya saing perniagaan. SSM akan terus memainkan peranan sebagai rakan strategik kepada pihak berkepentingan dalam membina persekitaran perniagaan yang lebih dinamik, dan dipercayai," katanya.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi SSM Customer Care (SSMCC) di bahagian Aduan & Maklumbalas, SSM Chatbot (24 jam, 7 hari), Live Chat SSM (8.00 pagi hingga 5.30 petang, Isnin hingga Jumaat, kecuali hari cuti umum) melalui portal rasmi SSM, talian telefon 03-7721 4000 atau emel enquiry@ssm.com.my.

**INISIATIF 1**



**Pelaksanaan Klinik Pematuhan dan Kempen Pemulihan Serah Simpan Dokumen Statutori bagi membantu syarikat yang menghadapi kesukaran memenuhi keperluan serah simpan dokumen statutori di bawah Akta Syarikat 2016 serta menyediakan tempoh yang bersesuaian untuk melaksanakan tindakan pemulihan.**

**INISIATIF 2**



**Meneruskan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P) yang menyediakan pendaftaran perniagaan secara percuma kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) sebagai usaha memperluas peluang keusahawanan serta menggalakkan penglibatan mereka dalam perniagaan secara sah di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.**

**INISIATIF 3**

SPPP

**Melanjutkan tempoh pendaftaran Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) daripada satu (1) tahun kepada dua (2) tahun bagi menyokong kelestarian PMKS.**

**INISIATIF 4**



**Pengenalan Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma Warga Emas (SPPWE) sebagai kategori baharu di bawah SPPP, yang menawarkan pendaftaran perniagaan secara percuma bagi tahun pertama kepada warga emas. Inisiatif ini adalah selaras dengan aspirasi Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) yang menekankan pembangunan ekonomi inklusif.**

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TheStar
HARI: JUMAAT
TARIKH: 15/5/2026
M/SURAT: 4

# Medicine prices remain stable

## Manufacturers have absorbed higher production costs, says Dzulkefly

By KHOO JIAN TENG
khoo.jianteng@thestar.com.my






**New facility:** Sultan Nazrin signing the commemorative plaque at the official opening of Hospital Seri Iskandar. Also in attendance are Perak Mentri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad (right) and Dzulkefly (second from left). — Bernama

**SERI ISKANDAR:** The prices of medicines have remained stable for this year following manufacturers' decision to absorb production costs, including logistics costs, due to the increase in fuel prices, says Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

This allows the prices of medicines to remain within a stable price range, with an increase of 1% to 2%, if any, he added.

"So far, industry players have absorbed and borne the increased operational costs, including diesel-related costs," he said at a press conference after the inauguration of Hospital Seri Iskandar by the Sultan of Perak, Sultan Nazrin Shah, here yesterday.

Dzulkefly said the ministry's Special Task Force on Drug and Medical Device Security was continuously monitoring medicine supply and prices through an early warning mechanism.

He said monitoring was conducted weekly using real-time reports involving supply sufficiency, costs and buffer stock planning to prevent disruptions.

The ministry was also diversifying sources of raw materials, including active pharmaceutical ingredients (API) and medical device components, to ensure adequate supply of critical medicines, reported Bernama.

On another matter, Dzulkefly said the ministry will soon announce enforcement measures to tackle the growing threat of "zombie vape" products allegedly mixed with synthetic drugs.

He added that enforcement efforts were being strengthened on open-system vape devices, which can be easily tampered with and refilled with prohibited substances after sale.

"This is something the ministry is paying very close attention to.

"In the near future, we will make several announcements on the measures that will be taken."

Dzulkefly said the ministry was working closely with the Home Ministry, Domestic Trade and Cost of Living Ministry, police and the Customs Department to address the issue comprehensively.

He said authorities were particularly concerned over cases where vape liquids were allegedly mixed with synthetic drugs such as methamphetamine and furanyl fentanyl.

"These synthetic drugs produce effects previously described as 'mushroom' and 'zombie'-like behaviour," he said.

Earlier, during the opening of Hospital Seri Iskandar, Sultan Nazrin signed a commemorative plaque to mark the official opening before touring the hospital and exhibition gallery.

The hospital is aimed at improving access to specialist treatment for communities in central Perak.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 15 MEI 2026 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 15-May | KPDN KL rampas 2,650 unit barangan tiruan lebih RM2.3 juta di Jalan Petaling | https://utusanmelayuplus.com/kpdn-kl-rampas-2650-unit-barangan-tiruan-lebih-rm2-3-juta-di-jalan-petaling/ | UTUSAN MELAYU |
| 15-May | Luar kedai tatu, dalam butik beg mewah | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/05/1357634/luar-kedai-tatu-dalam-butik- | HARIAN METRO |
| 15-May | Barang tiruan lebih RM2.3 juta disorok belakang premis dirampas | https://www.sinarharian.com.my/article/779782/berita/semasa/barang-tiruan-lebih-rm23-juta-disorok- | SINAR HARIAN |
| 15-May | KPDN bongkar bilik pameran barangan tiruan berselindung di sebalik ked-ai tatu | https://malaysiatribune.news/kpdn-bongkar-bilik-pameran-barangan-tiruan-berselindung-di-sebalik- | MALAYSIA TRIBUNE |
| 15-May | Premis simpan 25,000 liter diesel tumpas di Panda-maran | https://malaysiagazette.com/2026/05/14/premis-simpan-25000-liter-diesel-tumpas-di- | MALAYSIA GAZETTE |
| 15-May | Stor haram disyaki seleweng diesel bersubsidi digempur dalam Ops Tiris 4.0 | https://harapan-daily.com/2026/05/14/stor-haram-disyaki-seleweng-diesel-bersubsidi-digempur- | HARAPAN DAILY |
| 15-May | Ops Tiris 4.0 bongkar stor simpan diesel bersubsidi di Pandamaran | https://mediaselangor.com/ms/2026/05/357013 | MEDIA SELANGOR |
| 15-May | Ops Tiris 4.0 uncovers sub-sidised diesel storage syndi-cate in Pandamaran | https://mediaselangor.com/en/2026/05/357017 | MEDIA SELANGOR |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 15-May | Syarikat didakwa beli diesel subsidi nelayan, simpan bahan api lebih had bernilai RM3.3 juta | https://themerdekatimes.com/news/2026/05/syarikat-didakwa-beli-diesel-subsidi-nelayan-simpan-bahan-api-lebih-had-bernilai-rm3-3-juta/ | THE MERDEKA TIMES |
| 15-May | Tuaian padi terjejas, pemilik jentera beli diesel 200 liter dikenakan tindakan | https://www.utusan.com.my/berita/2026/05/tuaian-padi-terjejas-pemilik-jentera-beli-diesel-200-liter-dikenakan-tindakan/ | UTUSAN |
| 15-May | Lelaki ditahan isi RON95 dua kali dalam tempoh sejam setengah di stesen minyak | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2026/05/1552566/lelaki-ditahan-isi-ron95-dua-kali-dalam-tempoh-sejam- | BERITA HARIAN |
| 15-May | KPDN fokus isu ketirisan bahan api, bukan penyelarasan kuota RON95 | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-fokus-isu-ketirisan-bahan-api-bukan-penyelarasan-kuota-ron95/ | RTM |
| 15-May | KPDN perhebat Ops Tiris 4.0 di Sabah, Sarawak kekang ketirisan | https://www.tvsarawak.my/2026/05/14/kpdn-perhebat-ops-tiris-4-0-di-sabah-sarawak-kekang-ketirisan/ | TVS |
| 15-May | Fuziah: KPDN focuses fuel leakages, not RON95 quota cuts | https://www.nst.com.my/news/nation/2026/05/1439512/fuziah-kpdn-focuses-fuel-leakages-not-ron95-quota-cuts | NST |
| 15-May | Aktiviti perdagangan domestik Malaysia kekal kukuh | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/index.php/news.php?id=2556976 | BERNAMA |
| 15-May | Malaysia domestic trade activity remains robust | https://borneobulletin.com.bn/malaysia-domestic-trade-activity-remains-robust/ | BORNEO BULETIN |
| 15-May | Isu had diesel: KPDN akan adakan sesi libat urus dengan petani, pesawah Selangor | https://www.utusan.com.my/berita/2026/05/isu-had-diesel-kpdn-akan-adakan-sesi-libat-urus-dengan-petani-pesawah-selangor/ | UTUSAN |